

Jerebu semakin serius



Usaha pasukan JBPM Miri memadam kebakaran masih diteruskan seperti biasa. (Foto Jabatan Bomba Dan Penyelamat)

Dua sekolah di Miri tutup

Bacaan IPU melebihi 223 sekitar SK Kuala Baram II, SJK Chung Hua Tudan

Oleh Kanda Sidi kanda@nstp.com.my

Miri: Dua sekolah di sini, ditutup semalam, akibat masalah jerebu serius selepas indeks pencemaran udara di kawasan sekitarnya mencapai tahap bahaya.

Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Baram II dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Tudan dengan 2,015 murid dan guru itu akan terus ditutup sehingga situasi jerebu pulih.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Mejar Ismail Mahedin, berkata Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak terpaksa memberi arahan penutupan susulan bacaan Indeks Pencemaran

Udara (IPU) melebihi 223.

"Sesi pengajaran dan pembelajaran dihentikan jam 9 pagi selepas keadaan jerebu semakin teruk.

"Kawasan sekolah dilanda jerebu buruk akibat kebakaran hutan yang berlaku berhampiran kawasan sekolah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ismail berkata, SJK Chung Hua Tudan yang mempunyai 1,300 murid dan 64 tenaga pengajar terjejas teruk kerana terletak berhampiran Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri.

"Di SK Kuala Baram II, seramai 556 murid, 50 murid prasekolah dan 45 guru terpaksa pulang ke rumah selepas sekolah diarahkan tutup," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Miri, Law Poh Kiong, berkata usaha memadam kebakaran menggunakan semua aset yang ada masih diteruskan seperti biasa.

Beliau berkata, tumpuan operasi pemadaman dilakukan di Kompleks Kebajikan Hamidah, manakala pesawat Bombardier akan memfokus kepada usaha memadam kebakaran di ILP Miri.



Keadaan sekitar SJK Chung Hua Tudan, Miri yang diarah tutup ekoran bacaan IPU melebihi 223, semalam. (Foto Erika George/BH)

Ibadat & Fadilat

Daripada Sahl bin Sa'd RA, daripada Rasulullah SAW, Baginda SAW bersabda: "Sesapa yang menjamin bagiku apa yang ada di antara tulang dagunya (mulut dan lidah) dan apa yang ada di antara dua kakinya (kemaluan), maka aku menjamin baginya syurga." (Hadis riwayat al-Bukhari).

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Langar	5:55	1:24	4:34	7:31	8:42
Alor Setar	5:55	1:24	4:34	7:31	8:42
P. Pinang	5:56	1:24	4:35	7:30	8:41
Ipoh	5:54	1:21	4:33	7:27	8:38
Kuala Lumpur	5:53	1:19	4:32	7:24	8:35
Shah Alam	5:53	1:19	4:32	7:24	8:35
Johor Bahru	5:46	1:10	4:25	7:14	8:24
Kuantan	5:48	1:13	4:27	7:18	8:28
Seremban	5:52	1:17	4:31	7:22	8:32
Bandar Melaka	5:51	1:16	4:31	7:21	8:31
Kota Bharu	5:52	1:16	4:27	7:24	8:30
K. Terengganu	5:45	1:12	4:24	7:19	8:30
Kota G'nabalu	4:52	12:21	3:31	6:28	7:38
Kuching	5:21	12:45	4:00	6:49	7:59

Pencemaran di ILP masih tahap bahaya

Miri: Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri tidak menunjukkan penurunan apabila masih mencatat bacaan berbahaya iaitu 411 setakat jam 4 petang semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), Mejar Ismail Mahedin dari Angkatan Pertahanan Awam (APM) Sarawak, berkata IPU di Sekolah Kebangsaan (SK) Baram pada tempoh sama tidak banyak berubah dengan mencatat bacaan 223 iaitu sangat tidak sihat.

"IPU di Miri mencatat bacaan

sedehana iaitu 95," katanya dalam kenyataan petang semalam.

Untuk rekod bacaan IPU di ILP Miri pada pukul 9 pagi semalam ialah 404 manakala di SK Kuala Baram 204 menyebabkan dua sekolah rendah, SK Kuala Baram 2 dan SJK Chung Hua Tudan, ditutup setelah jerebu teruk melanda kawasan sekolah akibat kebakaran tanah gambut dan hutan.

IPU antara 0 dan 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sedehana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

BERNAMA

IPU di Sekolah Kebangsaan (SK) Baram pada tempoh sama tidak banyak berubah dengan mencatat bacaan 223 iaitu sangat tidak sihat. IPU di Miri mencatat bacaan sederhana iaitu 95.

Ismail Mahedin, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS)